


SULIT

1103/2
BAHASA MELAYU
Kertas 2
September 2024
2 ½ jam



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA KINABALU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
BAHASA MELAYU
KERTAS 2
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi soalan **Bahagian B, soalan 8** berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

SOALAN 1 : MORFOLOGI

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **dua kata hubung** dan **dua kata sendi nama**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Bacaan secara dalam talian merupakan proses mengekstrak makna daripada teks dalam format digital, yang juga dipanggil sebagai bacaan digital. Para penyelidik berpandangan bahawa pengalaman membaca secara dalam talian pada asasnya berbeza daripada pengalaman membaca bahan bercetak. Bagi golongan anak muda, bacaan secara dalam talian pastinya menjadi pilihan mereka. Seiring dengan perkembangan teknologi, kualiti pembacaan seharusnya mengalami lonjakan amat luar biasa kerana terdapat pilihan bahasa dan bidang yang lebih luas.

Dipetik dan diubah suai daripada
“*Bacaan Dalam Talian Sebagai Pilihan*”
Dewan Siswa, Maheran Ayub,
April 2020.

[8 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi **tiga ayat** yang bergaris seperti yang berikut:

Subjek :

Predikat :

Integriti sangat penting. Namun begitu, integriti tidak lahir dengan sendirinya dalam diri setiap individu. Amalan murni ini perlu dipupuk sejak kecil melalui institusi kekeluargaan secara turun-temurun. Oleh hal yang demikian, apabila seseorang individu mulai memasuki alam pekerjaan, integriti telah pun mendarah daging. Hal ini akan memudahkan mereka untuk menyesuaikan diri dengan budaya kerja positif dan cemerlang di tempat kerja masing-masing.

Sumber: Internet

[6 markah]

SOALAN 3: PENYUNTINGAN

Petikan di bawah mengandungi 11 kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Para-para pelajar sekolah haruslah belajar bersungguh dan mempunyai semangat untuk menyumbangkan tenaga pada kemajuan negara pada masa hadapan. Bagi pelajar university pula, patriotisme dapat dipamerkan dengan bergiat aktif di dalam persatuan dan kelab yang cakna masyarakat dan pada masa yang sama melengkapi diri dengan ilmu dan kemampuan yang mencukupi. Semua ini bakal diaplikasikan dalam kehidupan sebenar bagi untuk membantu manusia disekeliling kita dan secara tidak langsung mencerminkan kecintaan kita terhadap manusia yang mendiami tanahair yang sama. Itulah antara aplikasi dari patriotisme.

Dipetik dan diubah suai daripada
“*Sejarah dan Patriotisme*”
Dewan Siswa, Sahul HM,
Ogos 2021.

[11 markah]

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Sebermula maka Laksamana pun memakai pakaian penjurit. Maka Laksamana pun berjalanlah. Pada malam itu kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik. Maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka Laksamana pun tidur di tengah pasar. Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari itu terlalu gemuruh bahananya. Maka Laksamana tahulah akan Kertala Sari datang itu. Maka Kertala Sari pun berjalanlah ke tengah pasar itu. Maka tertendang kakinya pada tubuh Laksamana.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan,
Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

SOALAN 5

Baca petikan di bawah . Senaraikan **dua peribahasa** yang terdapat dalam petikan dan **bina ayat** yang sesuai menggunakan peribahasa-peribahasa tersebut.

Kes-kes kemalangan jalan raya sering berlaku semasa musim perayaan. Malang tidak berbau, keseronokan masyarakat semasa balik ke kampung masing-masing tidak kesampaian kerana terlibat dengan kemalangan jalan raya. Tragedi ini telah menjadi sinonim dengan masyarakat kita sehinggakan polis trafik perlu menjalankan operasi setiap kali perayaan dan mengingatkan pengguna jalan raya agar lebih berhati-hati bagi memastikan pengguna jalan raya tidak memandu secara berbahaya kerana pandu cermat jiwa selamat. Oleh itu, kita seharusnya sediakan payung sebelum hujan dengan mengetahui cara-cara menangani kemalangan jalan raya.

[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

Soalan 6

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Menteri Pendidikan Tinggi menjelaskan bahawa kementeriannya membangunkan sistem kajian pengesanan supaya dapat menganalisis lebih mendalam dan tepat bagi mengatasi apa-apa juga isu, masalah serta cabaran yang bakal lahir daripada soal kebolehpasaran dan program-program yang menyumbang bagi menangani masalah graduan tidak mendapat pekerjaan.

Antara faktor yang menyumbang kepada masalah ini ialah kurangnya kemahiran insaniah, komunikasi dan bahasa yang diperlukan oleh majikan. Sikap dan etika kerja yang lemah serta tahap keyakinan diri yang rendah juga menjadi halangan bagi graduan untuk mendapatkan pekerjaan.

Oleh itu, graduan perlu *meningkatkan kemahiran* dan pengetahuan mereka yang relevan dengan bidang yang diminati serta bersedia untuk menerima cabaran dan peluang yang ada. Pihak kerajaan, universiti dan industri juga memainkan peranan penting dalam menangani masalah graduan menganggur.

Sumber: Internet

Bahan 2

Kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris oleh graduan di Malaysia antara sebab utama tidak mendapat tempat untuk kerja sesuai kelayakan yang diinginkan oleh mereka. Berdasarkan kajian yang dilakukan di Jobstreet, majikan di Malaysia terutamanya syarikat swasta menginginkan seorang pekerja yang mempunyai kelebihan berbahasa khususnya bahasa Inggeris kerana kemahiran komunikasi ini mampu mewujudkan hubungan baik dengan syarikat luar. Jika seseorang graduan tidak menguasai kelebihan ini akan mewujudkan identiti mereka yang tidak meyakinkan majikan.

Kursus yang diambil oleh siswazah dianggap tidak bersesuaian dengan pasaran kerja. Sesetengah kursus yang ditawarkan dianggap punca berlakunya pengangguran. Ketidaktepatan kerja berlaku dengan kehendak pasaran dan ekonomi. Antara kursus yang menjadi punca pengangguran berdasarkan kajian ialah Program Pentadbiran Perniagaan, Pengajian Islam, Sastera, dan Sains Sosial.

Sumber: Internet

(i) Berdasarkan **bahan 1**, berikan maksud *meningkatkan kemahiran*. (2 markah)

(ii) Merujuk **bahan 1** dan **bahan 2** nyatakan punca-punca pengangguran dalam kalangan siswazah.

(3 markah)

- (iii) Selain memiliki kelulusan akademik yang tinggi, siswazah sangat dituntut untuk menguasai lebih daripada satu bahasa.

Pada pendapat anda, mengapakah siswazah hari ini perlu menguasai lebih daripada satu bahasa?

(3 markah)

- (iv) Sepupu anda telah menamatkan pengajian di universiti pada tahun lepas, tetapi dia masih belum memperoleh pekerjaan yang diingini dan kini dia hanya duduk di rumah sambil menunggu peluang pekerjaan yang telah dipohon.

Sebagai sepupu yang prihatin, apakah cadangan yang dapat anda berikan kepadanya sementara dia menunggu panggilan kerja tetap?

(4 markah)

Soalan 7

Baca **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Syah Alam di Rimba pun mengingatkan langkah pertikaman zaman dahulu kala cekak perkelahian. Ia pun memencak silat langkah gelombang dua belas, mengerinjing sahaja kakinya ke sana ke mari. Habislah dipijak-pijak anak memerang itu, ada yang patah kaki tangannya dan luka kepalanya, habis mati semuanya. Setelah dilihat Syah Alam di Rimba mati anak memerang itu, ia pun kembalilah ke tempatnya berdiam dirinya.

Memerang yang kedua lalu menangis yang teramat sangat sayang akan anaknya itu, putuslah asanya membawa ikan terlalu banyak hendak memberi makanan akan anak-anaknya itu. Ikan-ikan itu pun dibawanya masuk ke dalam lubangnya. Hari pun malam. Bermesyuaratlah keduanya pagi esok hendak menghadap nabi Allah Sulaiman permaklumkan hal kematian anaknya oleh kerana kelakuan Syah Alam di Rimba *membuat aniaya* ke atasnya. Setelah putuslah mesyuaratnya itu, lalu tidur keduanya.

Dipetik daripada prosa tradisional 'Pelanduk Mengajar Memerang'
dalam Antologi 'Baik Budi Indah Bahasa',
Kementerian Pendidikan Malaysia



Bahan 2

Kucing betina yang sedang bunting itu hanya mampu mengiau lemah. Matanya memandang dua remaja lelaki yang masih berseragam sekolah dengan pandangan mohon simpati. Kakinya diikat. Pada perutnya pula terdapat sebutir mercun yang dilekat dengan pita perekat.

Remaja lelaki berambut terpacak, Sora mengetuk-ngetuk perlahan kepala kucing itu. Riak wajahnya jelas seronok apabila melihat kucing itu tak mampu melawan. Kemudian, dia mengeluarkan pemetik api dari poket seluar. Segala perlakuannya dari mula menangkap kucing itu hingga saat ini dirakam oleh rakannya menggunakan perakam video. Sempat dia memandang lensa sambil tersenyum lebar.

Dipetik daripada cerpen 'Pembalasan Setimpal'

Bahan 3

SANG GEMBALA KUDA

Dia lelaki bergelar perkasa,
dengan cemeti keberanian di tangan rembat,
angkuhnya memacu takut menghalau kuda-kuda,
di padang berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami terhidang adalah kanun janji,
kesetiaan dimamah rakus kala lapar,
tak peduli nasib diri,
setelah kenyang jadi tunggangan,
memburu rakan.

Mohd Hashim Othman,
Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *membuat aniaya*.
(2 markah)
- (ii) Berdasarkan **bahan 1**, **bahan 2** dan **bahan 3**, nyatakan peristiwa yang menunjukkan penganiayaan terhadap haiwan?
(4 markah)
- (iii) Segelintir masyarakat suka memelihara haiwan seperti kucing, anjing, ikan dan sebagainya.

Pada pendapat anda, apakah kebaikan-kebaikan mempunyai haiwan peliharaan di rumah?
(3 markah)
- (iv) Pada suatu petang, anda terlihat beberapa orang remaja sedang memukul seekor kucing tanpa belas kasihan di taman permainan ketika anda sedang berjoging.

Sebagai anggota masyarakat yang penyayang, apakah tindakan-tindakan yang wajar anda lakukan untuk mengelakkan perkara ini daripada terus berlaku?
(4 markah)

SOALAN 8 : NOVEL

- i. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Cicipan burung dan bunyi merdu suara cengkerik semakin syahdu pada telinganya. Zahid semakin lali dengan kedamaian persekitaran dengan cara yang unik dan tersendiri. Malam tadi dia begitu lena dibuai muzik abadi daripada derikan serangga pemastautin di situ. Dalam mengelamun, tiba-tiba Zahid terkenang akan kehidupannya semasa berada di luar negara. Kehidupan lampau penuh pesona. Dia teringat akan Flora Steven, gadis lincah seindah dan sesinonim bunga mekar yang didampinginya semasa di kampus. Yuen yang ramah yang ditemuinya di China Town serta Lakshemi dan Nor yang sering keluar bersama-sama semasa duduk di pangsapuri yang sama. Tersenyum bangga Zahid mengimbau komentar rakan sebilik tentang gaya afsunnya yang boleh mencairkan hati gadis.

Dipetik daripada novel Tirani,
karya Beb Sabariah,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan perkara-perkara yang dikenangkan oleh Zahid dalam lamunannya.

[4 markah]

- ii. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut.*

- a. Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- b. Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- c. Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- d. Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- e. Tirani karya Beb Sabariah
- f. Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- g. Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- h. Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang dapat menimbulkan rasa simpati pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

9. Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Pendidikan Teknik dan Vokasional telah diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu sejak tahun 1900 lagi. Kini, bidang kemahiran ini makin mendapat tempat di negara kita. Namun, pelaksanaan ini semakin sukar dicapai kerana kebanyakan ibu bapa beranggapan bahawa bidang kemahiran hanya untuk murid yang keciciran dalam pelajaran. Bagi mereka, kejayaan akademik anak-anak yang berasaskan peperiksaan awam menjadi keutamaan. Pencapaian jumlah gred A dalam peperiksaan menunjukkan anak-anak mereka berkualiti tinggi dan mampu menjawat jawatan tinggi dalam bidang pekerjaan kolar putih apabila tamat pengajian kelak.

Terdapat juga masyarakat yang berpandangan bahawa bidang kemahiran sebagai pendidikan kelas kedua menyebabkan mereka tidak ingin menghantar anak-anak mereka untuk mempelajari bidang kemahiran. Malah yang lebih menyedihkan pengkhususan kemahiran dianggap sebagai bidang yang tidak mempunyai masa hadapan serta tidak berpeluang menjawat jawatan yang bergaji lumayan sehingga ada dalam kalangan masyarakat yang memaksa anak-anak mereka belajar dalam bidang akademik walhal anak-anak mereka tidak mampu mengikuti kelas tersebut. Oleh hal yang demikian, stigma masyarakat terhadap bidang kemahiran perlu diubah kerana pengkhususan ini juga dapat membantu kehidupan dan masa hadapan anak-anak muda.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM-PT), kerajaan telah memberikan tumpuan khusus kepada pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau *Technical and Vocational Education and Training* (TVET). Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah berjaya melahirkan graduan TVET yang mempunyai potensi besar untuk kerjaya masa depan. Bukan setakat peluang kerja yang menarik sedang menunggu mereka, pencapaian graduan dalam bidang TVET di negara ini amat membanggakan kerana mereka dilatih menjadi tenaga kerja profesional dan separa profesional dalam pelbagai bidang teknologi dan kejuruteraan.

Bagi graduan politeknik dan kolej komuniti, pencapaian mereka terbukti cemerlang berdasarkan dapatan kajian kebolehpasaran melebihi 95 peratus setiap tahun. Prestasi cemerlang itu membuktikan graduan politeknik dan kolej komuniti mendapat tempat dan menjadi pilihan majikan mahupun industri. Selain itu, graduan TVET berpotensi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi seperti universiti. Tambahan pula, terdapat graduan politeknik dan kolej komuniti yang membina kerjaya di luar negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'TVET Terus Diperkasa',
oleh Suliati Asri
MyMetro, 1 November 2021.

Bahan 2



The infographic features the TVET Malaysia logo in the top right corner. It lists four benefits of TVET in yellow circles:

- mengurangkan jurang pengangguran
- membantu generasi muda memperoleh pekerjaan
- mengurangkan ketergantungan pada tenaga kerja asing
- melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi



Two photographs are included: the top one shows four male students in orange and white uniforms working on a project in a workshop; the bottom one shows a female student in a hijab and orange uniform operating a lathe machine.

Bahan 3



A comic illustration shows two people sitting and talking. The woman on the left is speaking, and the man on the right is responding. The background is decorated with colorful gears and a circuit-like pattern.

Belajar kat mana pun okey. Cuma awak perlu tahu ke mana hala tuju kamu selepas ini. TVET ini penting untuk mengisi keperluan negara pada masa hadapan dari aspek pembuatan dan teknologi.

TVET ni betul ke bagus Kak Mila? Bukankah tiada akses kepada peralatan terkini jadi susah kita untuk belajar? Peralatan latihan kita pun banyak yang lapuk dan ketinggalan zaman.

~ SOALAN TAMAT ~